

Oleh Nurul Hidayah
Bahaudin
nurul.hidayah@
hmetro.com.my

9,735 kes tipu, rugi RM39.9j

Harian metro 8/12/2022 (page 2)
Ramai pelanggan perbankan dalam talian jadi mangsa bagi tempoh separuh pertama tahun ini

Angka mengkusarkan apabila sebanyak 9,735 kes penipuan kewangan perbankan dalam talian berjumlah RM39.9 juta dilaporkan oleh pelanggan institusi kewangan bagi tempoh separuh pertama tahun ini.

Jurucakap Bank Negara Malaysia (BNM) berkata, ia membabitkan lima kes bagi setiap satu juta transaksi perbankan dalam talian yang direkodkan.

"Walaupun bahagian transaksi membabitkan pe-

Katanya, BNM sudah mengarahkan pihak bank untuk mengambil langkah tambahan yang diumumkan pada 26 September lalu.

"Ini termasuk mempercepatkan peralihan daripada penghantaran kata laluan sekali sahaja (One Time Password (OTP) me-

sekat transaksi yang disyaki terbabit dengan aktiviti penipuan kewangan serta mengenakan tempoh bertenang (cooling-off period) untuk pendaftaran kali pertama bagi perkhidmatan perbankan dalam talian atau peranti yang selamat (secure device).

agensi berkaitan bagi memastikan kerugian kewangan selanjutnya tidak berlaku," katanya.

Katanya, pihak bank juga dikehendaki menyediakan cara mudah untuk pelanggan menggantung akaun bank mereka sekiranya digu-
li terbahit dengan kes

Bukan 100 peratus salah pihak bank

Kuala Lumpur: Tanggapan masyarakat bahawa kes kehilangan wang dalam akaun bank berpunca kelemahan sistem keselamatan perbankan adalah kurang tepat.

Ia sebaliknya turut disebabkan kurangnya kesedaran orang ramai terhadap taktik tipu daya sindiket penipuan kewangan.

Jurucakap Bank Negara Malaysia (BNM) berkata, sindiket penipuan kewangan cukup licik menggunakan pelbagai taktik termasuk mengelapitansi



bagai kaedah memperdaya mangsa untuk menyerahkan maklumat perbankan sama ada secara sedar atau tidak dengan menggunakan teknik berbeza.

"Contohnya, tawaran servis pembersih rumah atau penghantaran mak-

transaksi membabitkan penipuan kekal rendah, BNM amat memandang serius isu ini kerana penipuan kewangan perbankan dalam talian berpotensi menjejaskan keyakinan orang ramai.

“Malah ia juga boleh mendedahkan kelemahan yang boleh dieksploitasi sekali gus mengakibatkan kemudahan lebih meluas kepada pengguna perkhidmatan,” katanya kepada Harian Metro.

Susulan itu, beberapa langkah diambil oleh BNM bagi memastikan saluran perbankan dan pembayaran kekal selamat, dilengkapi dengan kawalan keselamatan terkini serta berupaya menguruskan risiko siber dan penipuan kewangan.

“Secara amnya, BNM sudah mengeluarkan banyak nasihat keselamatan dari masa ke semasa kepada industri kewangan mengenai modus operandi penipuan terkini dan langkah tambahan yang perlu diambil oleh pihak bank.

“BNM sentiasa mengkaji taktik baharu digunakan penjenayah dan mengeluarkan garis panduan keselamatan kepada bank dari semasa ke semasa untuk mengukuhkan kawalan keselamatan sedia ada,” katanya.

password (OTP) melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) kepada kaedah pengesahan lebih kukuh bagi transaksi dalam talian yang berkaitan dengan pembukaan akaun, pemindahan dana dan

pembayaran serta pertukaran maklumat peribadi dan penetapan akaun (account settings).

“Kaedah pengesahan yang lebih kukuh ini seperti kaedah berbilang faktor yang lebih selamat (secure multi-factor authentication) (seperti Maybank Secure2U, Public Bank SecureSign, CIMB Secure TAC) atau token hardware (hardware tokens),” katanya.

Menurutnya, BNM juga memperketatkan peraturan pengesanan penipuan dan

PENIPUAN kewangan perbankan dalam talian berpotensi menjejaskan keyakinan orang ramai terhadap institusi kewangan.

“**BNM sudah mengeluarkan banyak nasihat keselamatan**
Jurucakap BNM

(secure device). “Pelanggan dihadkan hanya satu peranti sahaja untuk pengesahan transaksi perbankan dalam talian selain menyediakan talian *hot-line* khusus bagi pe-

langgan melaporkan kes penipuan dalam talian membabitkan akaun bank mereka dan meningkatkan tahap respon ke atas laporan dibuat.

“Selain itu, pihak bank juga dikehendaki untuk menyelaraskan langkah pemulihan dana dan kawalan termasuk bekerjasama dengan

disyaki terbabit dengan kes penipuan dan mengaktifkannya semula dalam tempoh masa munasabah selepas pengesahan oleh pelanggan dibuat.

“Malah bank juga diarahkan mengeluarkan ‘hyperlinks’ semasa menghantar SMS kepada pelanggan mereka untuk mengelakkan risiko pencurian maklumat peribadi apabila ia ditekan.

“Orang ramai juga dinasihatkan supaya sentiasa membuat semakan pihak bank dan jangan menekan link yang kononnya diterima daripada pihak bank,” katanya.

masuk mengeksploitasi teknologi terkini bagi memperdayakan mangsa.

“Dalam kebanyakan kes dilaporkan baru-baru ini membabitkan mangsa yang kehilangan wang di dalam akaun bank, kami mendapati terdapat peningkatan insiden alat peranti mangsa ‘dikompromi’ selepas memuat turun fail atau aplikasi daripada sumber tidak sah ke peranti mudah alih mereka.

“Tindakan itu menyebabkan aplikasi itu boleh membaca dan memadamkan mesej khidmat pesanan ringkas (SMS) seperti SMS OTP daripada bank. Ini sekali gus mengakibatkan pengguna tidak akan sedar bahawa simpanan banknya sudah disalurkan,” katanya.

Menurutnya, sindiket penipuan kewangan menggunakan pel-

atau penghantaran maklumat dengan sindiket penipuan kewangan mengarahkan mangsa memuat turun fail aplikasi APK (Android Package Kit) yang boleh membaca sistem pesanan ringkas (SMS) tanpa disedari mangsa berserta skrin pembayaran atau peminjaman wang yang palsu.

“Berdasarkan Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkaan Kewangan dari Segi Permintaan (Financial Capability and Inclusion Demand Side Survey, FCI) yang dijalankan tahun lalu, 38 peratus daripada responden tidak memberikan perhatian sepenuhnya kepada ciri-ciri keselamatan yang disarankan oleh pihak bank untuk melakukan transaksi perbankan dalam talian.

“Sikap itu boleh menyebabkan orang ramai terpedaya untuk memberikan maklumat perbankan seperti nama pengguna atau kata laluan perbankan Internet serta maklumat kad kredit menerusi laman sesawang palsu,” katanya.

Justeru, BNM menasihatkan orang ramai supaya sentiasa berwaspada dan memastikan peranti seperti telefon mudah alih dilengkapi dengan perisian dan sistem pengendalian yang terkini.

